

UNIT 1


INSTITUSI RAJA PAYUNG NEGARA



NOTA EFEKTIF



RAJA BERDAULAT TONGGAK KERAJAAN



1. Sultan atau raja merupakan pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat.
2. Kerajaan bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.
3. Kedudukan raja terletak pada hierarki teratas dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Awal pada masa dahulu.
4. Raja atau sultan ialah ketua negeri yang mentadbir rakyat dan kerajaan baginda.



PAYUNG NEGERIKU

Negeri	Gelaran
Perlis	Raja
Kedah	Sultan
Perak	Sultan
Selangor	Sultan
Kelantan	Sultan
Johor	Sultan
Pahang	Sultan
Terengganu	Sultan

Negeri	Gelaran
Negeri Sembilan	Yang di-Pertuan Besar
Melaka	Yang di-Pertua Negeri
Pulau Pinang	Yang di-Pertua Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan	Yang di-Pertuan Agong
Sabah	Yang di-Pertua Negeri
Sarawak	Yang di-Pertua Negeri



RAJAKU BERDAULAT

Daulat

1. Lambang kekuasaan tertinggi raja atau sultan terhadap kerajaannya. Raja atau sultan yang berdaulat mempunyai kewibawaan, sifat peribadi yang unggul dan kebijaksanaan tinggi untuk memerintah.
2. Daulat berasal daripada perkataan Arab iaitu "Daulah" yang bermaksud negeri atau kerajaan.

Derhaka

1. Keingkaran rakyat terhadap titah dan perintah raja atau sultan. Rakyat yang menderhaka akan dikenakan hukuman yang setimpal.
2. Rakyat yang menderhaka akan ditimpa tulah atau bencana.



PERUBAHAN PADA INSTITUSI RAJA

Kerajaan Melayu Awal

- Sultan merupakan ketua kerajaan.
- Sultan berkuasa mutlak.
- Semua keputusan yang berkaitan undang-undang dan pentadbiran, kehakiman dan hubungan diplomatik terletak di tangan sultan.
- Dibantu oleh para pembesar untuk mentadbir kerajaan.

Semasa Pentadbiran British

- Sultan masih kekal sebagai ketua negeri. Tidak mempunyai kuasa mutlak.
- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat untuk negeri yang diperintahnya sahaja.
- Penasihat British telah dilantik untuk mengurus pentadbiran di setiap negeri.

Semasa Pendudukan Jepun

- Sultan masih kekal sebagai ketua negeri. Tidak mempunyai kuasa mutlak.
- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat untuk negeri yang diperintahnya sahaja.
- Gabenor Jepun mengurus pentadbiran negeri-negeri Melayu.

Pemerintahan Pada Masa Kini


- Sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan.
- Kuasa raja atau sultan adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Negeri.
- Pentadbiran negeri diketuai oleh Menteri Besar dan dibantu oleh Majlis Eksekutif.
- Institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas merdeka.
- Sembilan orang raja Melayu dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong secara bergilir.
- Pentadbiran negara diketuai oleh Perdana Menteri dan dibantu oleh Jemaah Menteri.



INSTITUSI RAJA DI DUNIA




Bendera Ratu United Kingdom



Bendera Ratu Denmark



Bendera Raja Maghribi



Bendera Yang di-Pertuan Agong



NOTA EFEKTIF



AGAMA DIANUTI KEPERCAYAAN DIHORMATI

1. Animisme

- Kepercayaan terawal masyarakat di Tanah Melayu.
- Percaya kepada roh nenek moyang, makhluk halus dan semangat.

2. Agama Buddha

- Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan.
- Berpegang pada “Jalan Lapan Lapis Mulia”

3. Agama Kristian

- Wujud di Tanah Melayu setelah kedatangan penjajah Portugis.
- Mempercayai Jesus sebagai anak Tuhan.

4. Agama Hindu

- Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan.
- Percaya kepada kelahiran semula.

5. Agama Islam

- Dibawa ke Tanah Melayu oleh golongan pedagang, pendakwah dan ulama.
- Wajib percaya kepada Rukun Islam dan Rukun Iman.



KEDATANGAN AGAMA ISLAM PADA ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

Faktor Kedatangan Agama Islam pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

1. Peranan Pedagang

Pedagang Islam dari negara Arab dan India menyebarkan agama Islam melalui kegiatan dakwah. Terdapat pedagang yang berkahwin dengan rakyat Melaka dan menyebarkan agama Islam kepada penduduk tempatan.

2. Peranan ulama

Menurut Hikayat Raja-raja Pasai, agama Islam disebarkan di Melaka oleh ulama dari Mekah yang bernama Syeikh Abdul Azisz. Ulama ini mengislamkan raja, pembesar dan rakyat Melaka.

3. Peranan Sultan

Perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan puteri raja Pasai menyebabkan baginda memeluk agama Islam. Apabila baginda memeluk agama Islam, rakyat Melaka turut memeluk agama Islam.

Perundangan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka Mengandungi Hukum Islam

Hukum Kanun Melaka

- Undang-undang ini mengandungi 44 fasal yang berkaitan dengan hak keistimewaan dan tanggungjawab raja dan pembesar.
- Hukum Islam yang terdapat dalam undang-undang ini berkaitan dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan.
- Undang-undang ini mewujudkan keamanan dan keselamatan rakyat di negeri Melaka.

Undang-undang Laut Melaka

- Undang-undang ini mengandungi 25 fasal yang berkaitan dengan peraturan di laut, tatacara berniaga dan berjual beli.
- Hukum Islam yang terdapat dalam undang-undang ini berkaitan dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah.
- Undang-undang ini melancarkan aktiviti perdagangan kepada pedagang yang datang ke Melaka.



AGAMA ISLAM DALAM PENTADBIRAN

Zaman Penjajahan Portugis

Semasa zaman penjajahan Portugis dan Belanda di Melaka, undang-undang boleh diamalkan.

Zaman Penjajahan British

- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing.
- Undang-undang Islam hanya digunakan dalam hal berkaitan dengan kekeluargaan, harta pusaka dan zakat.

Zaman Pendudukan Jepun

- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing.
- Jepun mewujudkan Majlis Agama Islam yang bertanggungjawab terhadap undang-undang keluarga Islam.



ISLAM DAN PERPADUAN MASYARAKAT

Nilai Sejagat dalam Agama Membentuk Perpaduan

1. Toleransi	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama dalam pelbagai urusan pekerjaan • Menghormati tempat ibadat • Tiada paksaan dalam beragama
2. Kasih Sayang	<ul style="list-style-type: none"> • Mengasihi dan mengasihani orang lain walaupun berbeza agama • Membantu mereka yang memerlukan
3. Kesederhanaan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersederhana dari pelbagai aspek kehidupan seperti berbelanja, bercakap dan berpakaian
4. Perdamaian	<ul style="list-style-type: none"> • Bermesyuarat untuk mendapatkan keputusan ramai • Tidak menjadi pencetus pergaduhan

Nilai Kemanusiaan Menjamin Kesejahteraan

1. Hubungan Manusia dengan Manusia	Berbaik sangka dan saling menghormati sesama manusia
2. Hubungan Manusia dengan Tuhan	Mengamalkan ajaran dan meninggalkan larangan yang dituntut agama
3. Hubungan Manusia dengan Alam Sekitar	Memelihara, memulihara dan mengindahkan alam sekitar

UNIT
3

BAHASA MELAYU WARISAN KITA



NOTA EFEKTIF



SUSUR GALUR BAHASA MELAYU

Asal-usul Bahasa Melayu

1. Berasal daripada filum yang disebut Austrik. Daripada filum lahirnya rumpun Austronesia.
2. Bersifat terbuka dan mudah menerima unsur luar dan terus berkembang.



TABURAN WILAYAH PENUTUR BAHASA MELAYU

Malaysia	Kemboja	Madagaskar
Indonesia	Vietnam (Melayu Champa)	New Zealand
Selatan Thailand	Afrika Selatan	Pulau Easter
Filipina	Sri Lanka	Arab Saudi
Brunei	Pulau Cocos	Pulau Krismas
Singapura	Taiwan	Australia Barat



PERSAMAAN DALAM SEBUTAN

Jenis Bahasa	Pengaruh Bahasa Luar	Bahasa Melayu Moden
1. Sanskrit	Nagara	Negara
	Rajha	Raja
	Putra	Putera
2. Arab	Sholat	Solat
	Ustaz	Ustaz
	Aqal	Akal
3. Inggeris	Hospital	Hospital
	Clinic	Klinik
	Doctor	Doktor
4. Cina	Cawan	Cawan
	Laici	Laici
5. Tamil	Kappal	Kapal
	Ayyaa	Ayah
6. Portugis	Camisa	Kemeja
	Veradha	Beranda
	Janela	Jendela
7. Belanda	Laatje	Laci
	Balkon	Balkoni



PERANAN BAHASA MELAYU

Peranan Bahasa Melayu	Masa Dahulu	Masa Kini
1. Bahasa Pentadbiran	Bahasa Melayu digunakan dalam sistem pentadbiran pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.	Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan.
2. Bahasa Pendidikan	Bahasa Melayu merupakan bahasa akademik bagi menyampaikan sesuatu ilmu. Golongan ulama menyampaikan ilmu agama kepada raja-raja Melayu di istana dengan menggunakan bahasa Melayu.	Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar bagi menyampaikan ilmu dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta institusi pengajian tinggi.
3. Bahasa Perundangan	Bahasa Melayu digunakan dalam naskhah Hukum Kanun Melaka yang merupakan panduan dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.	Bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam sistem perundangan negara.
4. Bahasa Ekonomi	Bahasa Melayu sebagai lingua franca yang memudahkan urusan jual beli di pelabuhan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.	Bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam urusan jual beli di negara kita.
5. Bahasa Perhubungan	Bahasa Melayu digunakan dalam perhubungan antara kerajaan Melayu dengan kerajaan luar. Contohnya, surat Sultan Kelantan kepada Wright William Duff.	Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perhubungan antara masyarakat dan serantau.
6. Bahasa Persuratan	Banyak hasil karya agung menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa persuratan.	Bahasa Melayu menjadi bahasa persuratan yang diiktiraf dunia melalui hasil-hasil karyawan negara.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi

- Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara kita. Kedudukannya dimantapkan melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
- Kepentingannya sebagai bahasa rasmi menjadi medium dalam urusan pentadbiran harian.
- Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa lain dalam urusan harian mereka.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan

- Bahasa Melayu merupakan bahasa yang menyatupadukan rakyat berbilang kaum.
- Bahasa Melayu sangat mudah difahami dan menjadi medium utama untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada masyarakat.
- Aktiviti seperti minggu bahasa kebangsaan, pertandingan deklamasi sajak, berbalas pantun, syarahan dan pidato antara murid berbilang kaum boleh memupuk perpaduan.
- Aktiviti ini dapat menyatukan bangsa melalui bahasa.



NOTA EFEKTIF



CAMPUR TANGAN DAN PENJAJAHAN KUASA ASING

Kuasa Asing	Keterangan
1. Siam	<ul style="list-style-type: none"> Siam menaungi Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu Siam menghadapi masalah untuk mentadbir negeri-negeri tersebut. 1909, semua negeri tersebut diserahkan kepada British melalui Perjanjian Bangkok
2. Portugis (1511)	<ul style="list-style-type: none"> 1511, Portugis menyerang dan menjajah Melaka Sultan Melaka cuba merampas kembali Melaka tetapi gagal Portugis kalah kepada Belanda pada tahun 1641
3. Belanda (1641)	<ul style="list-style-type: none"> 1641, Belanda menyerang Portugis di Melaka Belanda menang dan menjajah Melaka hingga tahun 1824 1824, Belanda menyerahkan Melaka kepada British melalui Perjanjian Inggeris-Belanda
4. British (1786, 1824, 1826 dan 1874)	<ul style="list-style-type: none"> 1786, British menduduki Pulau Pinang 1824, Melaka diserahkan kepada British oleh Belanda melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1826, British membentuk Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura 1874, British campur tangan di Perak dan meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu hingga Perang Dunia Kedua
5. James Brooke dan Keluarga Brooke (1841)	<ul style="list-style-type: none"> James Brooke menguasai Sarawak pada tahun 1841 dan menggunakan gelaran "Rajah Putih" Selepas kematian beliau, Sarawak terus diperintah oleh keluarga Brooke hingga tahun 1946
6. Syarikat Borneo Utara British (SBUB) (1881)	<ul style="list-style-type: none"> SBUB memperoleh hak untuk menguasai tanah di Borneo Utara (Sabah) Mendapat Piagam Diraja kerajaan British, SBUB mentadbir Sabah tahun 1881 Penjajahan SBUB berterusan hingga tahun 1946
7. Jepun (1942)	<ul style="list-style-type: none"> Jepun muncul sebagai kuasa besar dan berjaya menguasai Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah daripada British pada tahun 1942 dan kalah kepada British pada tahun 1945
8. British (1945, 1946)	<ul style="list-style-type: none"> British kembali menjajah di Tanah Melayu tahun 1945 hingga 1957 1946, keluarga Brooke dan SBUB menyerahkan Sarawak dan Sabah kepada British British menguasai Sabah dan Sarawak hingga tahun 1963



BUMI BERTUAH MENJADI REBUTAN

Faktor Kedatangan Kuasa Asing	Keterangan
1. Kedudukan Strategik	Kedudukan Melaka di laluan jalan perdagangan timur dan barat dan Melaka menjadi pelabuhan persinggahan penting.
2. Kekayaan Hasil Bumi dan Sumber Alam	Tanah Melayu terkenal dengan hasil bumi seperti biji besi, bijih timah dan emas. Sabah terkenal dengan kayu balak, rotan dan sarang burung. Sarawak terkenal dengan emas, sagu dan kapur barus.



Faktor Kedatangan Kuasa Asing	Keterangan
3. Penyebaran agama	Kuasa asing mahu menyebarkan agama Kristian
4. Revolusi Perindustrian	Sektor perkilangan seperti pembuatan besi dan keluli, pembuatan kereta dan mengetin makanan giat dijalankan. Kuasa asing mahu tanah jajahan untuk mendapatkan bahan mentah dan memasarkan barangan mereka.
5. Kemasyhuran	British sebagai penjajah terbesar



KESAN TERHADAP PENTADBIRAN AKIBAT PENJAJAHAN

Negeri	Keterangan
1. Negeri-negeri Selat (1826)	<ul style="list-style-type: none"> Pulau Pinang, Melaka dan Singapura digabungkan menjadi Negeri-negeri Selat. Tanah Jajahan Mahkota yang ditadbir oleh Gabenor.
2. Borneo Utara (Sabah) 1881	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pengarah SBUB di London memberikan arahan terhadap hal ehwal pentadbiran Borneo Utara.
3. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (1904 dan 1914)	<ul style="list-style-type: none"> Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu 1914, Johor turut dimasukkan dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu Penasihat British dilantik untuk membantu pentadbiran negeri tersebut
4. Sarawak (1841)	<ul style="list-style-type: none"> Pemerintahan bercorak monarki diperkenalkan Pemerintahan Sarawak dikenali sebagai "Rajah Putih" Pentadbiran Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian yang ditadbir oleh Residen
5. Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1896)	<ul style="list-style-type: none"> Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang disatukan Residen British dilantik mengurus pentadbiran negeri dan tidak boleh mencampuri hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.



KESAN SOSIAL DAN EKONOMI AKIBAT PENJAJAHAN

Kesan Ekonomi Akibat Penjajahan	Kesan Sosial Akibat Penjajahan
1. Perkembangan industri perlombongan - bijih timah, emas dan arang batu	1. Pembentukan Masyarakat Majmuk <ul style="list-style-type: none"> Kemasukan tenaga kerja dari negara China dan India
2. Perkembangan pertanian komersial - kelapa sawit, tebu, kopi, lada hitam dan tembakau	2. Perkembangan Bandar Baharu <ul style="list-style-type: none"> Muncul sebagai pusat pentadbiran, perdagangan dan pelabuhan. Contohnya Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Seremban, Sibu, Miri, Jesselton (Kota Kinabalu), Sandakan dan Tawau
3. Perkembangan Penanaman Getah	3. Perkembangan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan <ul style="list-style-type: none"> Jalan kereta api dan jalan raya dibina Sistem pos, telegraf dan telefon diperkenalkan
4. Sistem Perbankan Moden <ul style="list-style-type: none"> Bank seperti Mercantile Bank (1859) dan The Chartered Bank (1888) ditubuhkan 	4. Perkembangan Perkhidmatan Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> Pembukaan hospital dan dispensari untuk merawat pesakit 5. Perkembangan Sistem Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> Sistem pendidikan vernakular mengikut aliran bahasa Melayu, Cina dan Tamil diperkenalkan Sekolah Inggeris diwujudkan di kawasan pekan dan bandar Pendidikan pada peringkat maktab untuk melatih bakal guru diperkenalkan

UNIT
5

BANGKIT BERJUANG PENJAJAH DITENTANG



NOTA EFEKTIF



PAHLAWAN TEMPATAN

Tokoh	Kawasan / Negeri
Dato' Maharaja Lela	Perak
Yamtuan Antah	Negeri Sembilan
Dol Said	Naning, Melaka
Dato' Bahaman	Pahang
Haji Abdul Rahman Limbong	Terengganu

Tokoh	Kawasan / Negeri
Tok Janggut	Kelantan
Sharif Masahor	Sarawak
Mat Salleh	Borneo Utara
Antanom	Borneo Utara
Rentap	Sarawak



PAHLAWAN TEMPATAN

Biodata Tokoh Pejuang	Sebab Penentangan	Peristiwa Penentangan
<ul style="list-style-type: none"> Dol Said Nama sebenar ialah Abdul Said bin Omar atau dikenali sebagai Penghulu Naning Seri Merah Raja Dol Said. Dilahirkan tahun 1773 dan berasal daripada Suku Semelenggang 	<ul style="list-style-type: none"> Naning merupakan kawasan bersempadan dengan Melaka. British mendakwa Naning ialah jajahannya, Dol Said membantah. Dol Said enggan membayar cukai hasil tahunan satu persepuluh kepada British. Dol Said berusaha untuk mempertahankan kedaulatan Naning. 	<ul style="list-style-type: none"> 1831, British menyerang Naning tetapi kalah. Dol Said menang kerana menerima bantuan ketenteraan dari Ulu Muar, Sungai Ujong, Seri Menanti dan Rembau. 1832, British menyerang Naning dan mengalahkan Dol Said. Kekalahan disebabkan sekutu Dol Said menolong British. Dol Said menyerah diri, diberi pencen, sebidang tanah dan dibawa ke Melaka.
<ul style="list-style-type: none"> Rentap Nama sebenar ialah Libau anak Ningkan Pemimpin orang Iban di Nanga Skrang, Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> James Brooke menghapuskan petempatan orang Iban di Nanga Skrang. James Brooke menganggap orang Iban sebagai lanun. 	<ul style="list-style-type: none"> 853, Rentap berjaya menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang. James Brooke menyerang balas dengan membakar 20 buah rumah panjang di kawasan Rentap. 1854, James Brooke menyerang Rentap di Sungai Lang. Rentap berundur ke hutan dan membina kubu di Bukit Sadok. 1861, James Brooke menyerang kubu Rentap. Rentap berundur ke Ulu Entabai



Biodata Tokoh Pejuang	Sebab Penentangan	Peristiwa Penentangan
<ul style="list-style-type: none"> • Tok Janggut • Nama sebenar ialah Haji Mat Hassan bin Munas • Dilahirkan tahun 1853 di Kampung Jeram, Pasir Puteh, Kelantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tok Janggut tidak bersetuju dengan pengenalan Sistem Penasihat British. • Penduduk tempatan dipaksa menerima sistem cukai dan peraturan tanah baharu yang membebankan mereka. • Peraturan baharu British menimbulkan kesulitan kepada penduduk tempatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • 1915, Tok Janggut menyerang dan berjaya menguasai Pasir Puteh. • British menyerang balas Tok Janggut yang berkubu di Kampung Dalam Pupuh • Tok Janggut terkorban dalam pertempuran itu.
<ul style="list-style-type: none"> • Sharif Masahor • Nama sebenar ialah Sharif Masahor bin Muhammad al-Shahab. • Berasal dari Kampung Igan • Merupakan pembesar Sarikei di Sungai Rajang, Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> • Menentang James Brooke kerana menguasai Sarikei. • Penguasaan James Brooke menyebabkan Sharif Masahor kehilangan hak dan kuasa sebagai pembesar di Sarikei. 	<ul style="list-style-type: none"> • 1859, Sharif Masahor bersama-sama Datu Patinggi Abdul Ghafur Temenggung Hashim berpakat untuk mengusir keluarga Brooke di Kuching. • Sharif Masahor menyerang kubu Brooke berhampiran Sungai Rajang di Kanowit namun gagal. • Sharif Masahor dibuang negeri, manakala Datu Patinggi Abdul Ghafur ditangkap oleh Belanda dan dipenjarakan di Betawi
<ul style="list-style-type: none"> • Dato' Maharaja Lela • Nama sebenar Dato' Maharaja Lela Pandak Lam • Orang Besar Berlapan Perak yang mentadbir kawasan Pasir Salak 	<ul style="list-style-type: none"> • Residen British J.W.W. Birch campur tangan dalam pentadbiran negeri dan adat resam orang Melayu. • Residen British mengambil alih kuasa sultan dan pembesar tempatan. • British memperkenalkan cukai baharu yang membebankan rakyat. • Residen British bersikap angkuh dan sombong. 	<ul style="list-style-type: none"> • Februari 1875, Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan pembesar Melayu Perak membuat bantahan terhadap campur tangan British. • September 1875, Dato' Maharaja Lela bersetuju mengambil tanggungjawab untuk membunuh Residen British, iaitu J.W.W. Birch. • November 1875, J.W.W. Birch dibunuh oleh Seputum atas arahan Dato' Maharaja Lela di Sungai Perak, Pasir Salak. • 1877, Dato' Maharaja Lela dan Seputum ditangkap dan kemudian mereka dijatuhi hukuman gantung.
<ul style="list-style-type: none"> • Yamtuan Antah • Nama sebenar ialah Tunku Antah Raja Radin • Merupakan anak Yamtuan Besar Negeri Sembilan 	<ul style="list-style-type: none"> • Yamtuan Antah menentang British kerana mencampuri urusan pentadbiran di Sungai Ujong • British menyokong Dato' Kelana yang mendakwa Terachi ialah wilayahnya. • Yamtuan Antah tidak bersetuju dengan tindakan British menyokong Dato' Kelana. • Yamtuan Antah bimbang British akan meluaskan kuasa terhadap wilayah lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • 1875, berlaku pertempuran di Paroi. • Yamtuan Antah berjaya menawan Paroi, namun British menyerang balas dan akhirnya berjaya mengalahkan pasukan Yamtuan Antah. • 1876, Yamtuan Antah berunding dengan British untuk menamatkan persengketaan. • Hasil rundingan tersebut, Yamtuan Antah diiktiraf sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti.



Biodata Tokoh Pejuang	Sebab Penentangan	Peristiwa Penentangan
<ul style="list-style-type: none"> • Dato' Bahaman • Nama sebenar ialah Abdul Rahman bin Imam Noh • Dikenali sebagai Dato' Bahaman Orang Kaya Semantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Dato' Bahaman kehilangan hak memungut cukai dan dilucutkan gelaran sebagai pembesar. • Dato' Bahaman menentang pembinaan balai polis di Lubuk Terua yang merupakan kawasan pengaruhnya. 	<ul style="list-style-type: none"> • 1891, Dato' Bahaman mengetuai serangan terhadap British dan berjaya menawan Lubuk Terua. • 1892, Dato' Bahaman mematahkan serangan British di Semantan. • 1894, Dato' Bahaman menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai. • 1895, Dato' Bahaman berundur ke Kelantan setelah British menawan semula Jeram Ampai.
<ul style="list-style-type: none"> • Mat Salleh • Nama sebenar ialah Datu Paduka Mohammad Salleh bin Datu Balu • Dilahirkan di Inanam, Sabah • Berketurunan Bajau dan Suluk 	<ul style="list-style-type: none"> • Menentang SBUB kerana tidak mengiktiraf kedudukannya sebagai pemerintah di Sandakan, Menggatal, Inanam dan Pulau Gaya. • SBUB mengambil alih hak memungut cukai dan mengadakan peraturan baharu yang membebankan rakyat. 	<ul style="list-style-type: none"> • 1897, Mat Salleh dan pengikutnya menyerang kubu SBUB di Pulau Gaya. • Mat Salleh mendirikan kubu lebih kukuh di Tambunan setelah kubunya di Ranau dimusnahkan oleh SBUB. • 1900, SBUB melancarkan serangan besar-besaran dan menyebabkan Mat Salleh terkorban. • Perjuangan Mat Salleh diteruskan oleh Mat Sator yang berpusat di Kampung Kapayan Lama, Tambunan.
<ul style="list-style-type: none"> • Antenom • Nama sebenar ialah Ontoros bin Buyusan • Dilahirkan tahun 1873 di Silar Pinikit Salangit, Ulu Sungai Tahol, Pensiangan, Sabah 	<ul style="list-style-type: none"> • SBUB menjadikan kaum Murut sebagai buruh paksa untuk membina jalan raya. • SBUB tidak menghiraukan adat dan kepercayaan penduduk dengan mencerooboh kawasan hutan yang dianggap mengganggu roh nenek moyang mereka. • Pengenal cukai baharu yang membebankan rakyat. • SBUB tidak membenarkan penduduk membuka tanah untuk pertanian 	<ul style="list-style-type: none"> • Antenom mengetuai pahlawan Murut untuk menentang SBUB dan membina kubu di Silar Pinikit, Salangit, Ulu Sungai Tahol, Pensiangan. • 1915, Antenom melancarkan serang hendap dengan menggunakan tombak, pedang dan sumpit terhadap SBUB di Pensiangan dan membina kubu di Sungai Salangit. • Antenom akhirnya menyerah diri kepada SBUB untuk menyelamatkan keluarga, pengikut dan kaum Murut.
<ul style="list-style-type: none"> • Haji Abdul Rahman Limbong • Nama sebenar ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid • Dilahirkan tahun 1868 • Meninggal dunia tahun 1929 di Mekah 	<ul style="list-style-type: none"> • British memperkenalkan undang-undang baharu yang membebankan rakyat seperti peraturan tanah untuk petani menjalankan kegiatan pertanian. • British mengancam untuk mengenakan tindakan undang-undang sekiranya penduduk tempatan enggan membayar cukai. 	<ul style="list-style-type: none"> • 1922, Haji Abdul Rahman Limbong bertindak sebagai peguam di mahkamah dan berjaya membela petani yang ditangkap kerana menentang peraturan baharu di Kuala Temong. • 1928, petani dan pengikut Haji Abdul Rahman Limbong telah menawan balai polis di Kuala Berang. • British melancarkan serangan balas Haji Abdul Rahman Limbong ditangkap atas tuduhan menghasut dan dihukum buang negeri ke Mekah.



PEJUANG KEMERDEKAAN

Tokoh Pejuang	Keterangan
Dato' Onn bin Ja'afar	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi Kongres Melayu pada tahun 1946 • Yang Dipertua pertama United Malays National Organisation (UMNO) pada tahun 1946 • Pernah dilantik sebagai Menteri Besar Johor • Pengasas Independence of Malaya Party (IMP)
Dr. Burhanuddin al-Helmi	<ul style="list-style-type: none"> • Yang Dipertua kedua Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945 • Memimpin Parti Islam Se-mALAYA (PAS) pada tahun 1956 • Memimpin Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)
Ahmad Boestamam	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API) pada tahun 1946 • Menubuhkan Parti Rakyat Malaya (PRM) pada tahun 1955 • Menerbitkan akhbar Suara Rakyat dan Voice of The People
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah	<ul style="list-style-type: none"> • Yang Dipertua kedua UMNO dan merupakan pengasas Parti Perikatan pada tahun 1952 • Mengetuai rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London tahun 1956 • Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama
Ishak Haji Muhammad	<ul style="list-style-type: none"> • Meletak jawatan sebagai Majistret Kelas III pada tahun 1934 untuk bergiat aktif dalam politik • Pengasas akhbar Utusan Melayu • Memimpin Parti Buruh Malaya pada tahun 1957
Abu Bakar al-Baqir	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan Maahad al-Ehya Assharif pada tahun 1934 • Menganjurkan Persidangan Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA) pada tahun 1948 • Mengetuai Hizbul Muslimin pada tahun 1948
Tun Tan Cheng Lock	<ul style="list-style-type: none"> • Presiden All Council of Joint Action (AMCJA) pada tahun 1945 • Presiden Malayan Chinese Association (MCA) yang pertama pada tahun 1949 • Membawa MCA bergabung dengan UMNO dalam penubuhan Parti Perikatan
Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London • Memperkenalkan Penyata Razak pada tahun 1956 • Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama pada tahun 1957 • Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz	<ul style="list-style-type: none"> • Menentang penubuhan Malayan Union • Setiausaha UMNO yang pertama pada tahun 1946 • Mewakili raja-raja Melayu dalam rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London pada tahun 1956 • Menteri Besar Perak yang pertama



Tokoh Pejuang	Keterangan
Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman	<ul style="list-style-type: none"> • Timbalan Yang Dipertua UMNO pada tahun 1951 • Wakil UMNO untuk berunding dengan MCA bagi membentuk Parti Perikatan pada tahun 1951-1952
Tun H.S.Lee	<ul style="list-style-type: none"> • Mengetuai MCA Selangor pada tahun 1949 • Pemimpin penggerak kerjasama UMNO-MCA • Penggerak ke arah kerjasama antara kaum • Ahli rombongan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ke London pada tahun 1956 • Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama
Tun V.T. Sambanthan	<ul style="list-style-type: none"> • Presiden Malayan Indian Congress (MIC) yang kelima pada tahun 1955 • Menyertai rombongan kemerdekaan pada tahun 1957 • Menteri Kesihatan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama



KE ARAH MENUNTUT KEMERDEKAAN

Peristiwa	Keterangan
Pendudukan Jepun (1942-1945)	<ul style="list-style-type: none"> • Pendudukan Jepun menyebabkan banyak kesengsaraan • Pemimpin tempatan bangkit menggerakkan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan
Malayan Union (1946-1948)	<ul style="list-style-type: none"> • British memperkenalkan Malayan Union yang merupakan bentuk penjajahan baharu • Menghapuskan kuasa raja-raja Melayu • Orang Melayu yang dipimpin oleh Dato' Onn bin Ja'afar bangkit menentang Malayan Union • Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948
Ancaman Komunis (1948)	<ul style="list-style-type: none"> • Parti Komunis Malaya (PKM) melakukan kezaliman seperti membunuh, memusnahkan lombong bijih timah dan ladang getah • Keganasan komunis mengakibatkan darurat di seluruh negara pada tahun 1948 • Rundingan Baling telah diadakan pada tahun 1955 tetapi gagal • Pada tahun 1960, darurat diisytiharkan tamat
Kemunculan Parti-parti Politik (1945-1951)	<ul style="list-style-type: none"> • Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945 • United Malays National Organisation (UMNO) pada tahun 1946 • Malayan Indian Congress (MIC) pada tahun 1946 • Hizbul Muslimin pada tahun 1948 • Malayan Chinese Association (MCA) pada tahun 1949 • Parti Islam Se-Malaya (PAS) pada tahun 1951
Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (1955)	<ul style="list-style-type: none"> • Parti Perikatan yang dianggotai oleh UMNO, MCA dan MIC ditubuhkan bagi menghadapi pilihan raya • Setiap parti politik mewakili setiap kaum, iaitu Melayu, Cina dan India. Parti Perikatan menang dalam pilihan raya ini • Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri • Parti Perikatan telah berunding dengan British untuk mendapatkan kemerdekaan
Rundingan London (1956)	<ul style="list-style-type: none"> • Wakil raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan berangkat ke London • Tujuan mereka ke London adalah untuk berunding dengan British berkaitan dengan kemerdekaan
Kemerdekaan persekutuan Tanah Melayu (1957)	<ul style="list-style-type: none"> • Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957



RUNDINGAN KEMERDEKAAN

Pada tahun 1956 Tunku Abdul Rahman dan rombongan telah berangkat ke London untuk berunding dengan pihak British untuk mendapatkan kemerdekaan.

Rombongan ke London

Wakil Raja-Raja Melayu

- Dato' Haji Abdul Wahab bin Haji Aziz (Panglima Bukit Gantang)
- Abdul Aziz Majid
- Dato' Mohammad Seth
- Dato' Nik Ahmad Kamil

Wakil Parti Perikatan

- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein
- Dr. Ismail Abdul Rahman
- Kolonel H.S. Lee



PENGUMUMAN KEMERDEKAAN

Peristiwa Kemerdekaan Negara

20 Februari 1956 (Isnin)

- Rombongan kemerdekaan tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka dengan pesawat Malayan Airways
- Tunku Abdul Rahman telah membaca tarikh kemerdekaan iaitu pada 31 Ogos 1957.

30 Ogos 1957 (Jumaat)

- Pukul 12.00 tengah malam, bendera Union Jack telah diturunkan di hadapan Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur.
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan bagi menggantikan bendera Union Jack.

31 Ogos 1957 (Sabtu)

- Pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
- Laungan merdeka bergema yang menandakan kejayaan rakyat membebaskan diri daripada penjajahan.



PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

- 31 Ogos 1957 - Upacara pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu disempurnakan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur di hadapan raja-raja Melayu dan rakyat serta perwakilan dari 30 buah negara KOMANWEL.
- Tunku Abdul Rahman melaungkan "MERDEKA" sebanyak tujuh kali dan disambut dengan gemuruh oleh rakyat yang hadir.
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan diiringi lagu kebangsaan NEGARAKU.

UNIT 7

YANG DI-PERTUAN AGONG TERAS KEDAULATAN NEGARA



NOTA EFEKTIF



KETUA UTAMA NEGARA



Kronologi Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

1. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat melalui undian sulit oleh sembilan orang raja Melayu dalam Majlis Raja-Raja.
2. Majlis Raja-Raja mengisytiharkan nama raja atau sultan yang terpilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.
3. Surat pengesahan pemilihan Yang di-Pertuan Agong dihantar kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengikut Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.
4. Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai keputusan pemilihan jawatan Yang di-Pertuan Agong.
5. Yang di-pertuan Agong melafazkan sumpah atau ikrar dan menandatangani surat sumpah memegang jawatan dalam Mesyuarat Raja-Raja.



ISTIADAT PERTABALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

1. Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah memegang jawatan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.
2. Yang di-Pertuan Agong menandatangani surat sumpah memegang jawatan yang disembahkan oleh Penyimpanan Mohor Besar Raja-Raja.
3. Perdana Menteri membacakan Watikah Pengisytiharan di hadapan Yang di-Pertuan Agong pada majlis istiadat pertabalan.
4. Yang di Pertuan Agong mengucap Keris Kerajaan sebagai Ketua Utama Negara pada majlis istiadat pertabalan.
5. Yang di-Pertuan Agong melafazkan ikrar untuk menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama pada majlis istiadat pertabalan.



BIDANG KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG

1. Ketua agama Islam bagi negeri baginda dan negeri-negeri yang tidak mempunyai raja iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Sabah dan Wilayah persekutuan.
2. Melantik Perdana Menteri dan anggota kabinet Malaysia.
3. Memelihara kedudukan orang Melayu dan bumiputera.
4. Memelihara kepentingan sah kaum-kaum lain sebagai warganegara Malaysia.
5. Merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.
6. Memperkenalkan Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.
7. Mengurniakan darjah kebesaran, bintang dan pingat.
8. Mempunyai kuasa untuk memanggil, memberhentikan dan membubarkan Parlimen.



ALAT KEBESARAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Pakaian Kebesaran Diraja	Ciri-ciri
Tengkolok Diraja	<ul style="list-style-type: none"> Pakaian kebesaran Raja-Raja Melayu. Diperbuat daripada kain yang ditunen dengan sutera yang diikat di ulunya. Tengkolok Yang di-Pertuan Agong berwarna hitam bersulamkan benang emas. Solek atau ikatannya dinamakan "Dendam Tak Sudah".
Keris Pendek Diraja	<ul style="list-style-type: none"> Diperbuat daripada mata keris lama. Hulu keris ini bersarung gading yang bertatahkan emas.
Pending Diraja	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan hiasan pada tali pinggang atau bengkung. Diperbuat daripada emas sepuluh mutu, bertatahkan dan bersulamkan permata delima.
Muskat	<ul style="list-style-type: none"> Pakaian rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dipakai dalam majlis rasmi seperti Istiadat Kebesaran Diraja dan juga sewaktu pertabalan. Berasal dari Kedah dan diperbuat daripada benang bulu berwarna hitam yang dihajit dengan sulaman benang emas. Terdapat sulaman bunga raya yang melambangkan bunga kebangsaan.
Kalung Diraja	<ul style="list-style-type: none"> Kalung atau rantai leher ini dipakai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Kalung ini diperbuat daripada emas putih bertatahkan permata berlian. Rantai ini boleh dipisahkan menjadi sepasang subang dan kerongsang.
Gandik Raja (Pemeles)	<ul style="list-style-type: none"> Gandik (Pemeles) dipakai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dalam istiadat kebesaran diraja dan juga sewaktu pertabalan. Gandik diperbuat daripada emas putih bertatahkan permata berlian. Terdapat anak bulan dan bintang di tengah-tengahnya.

Alat Kebesaran Diraja	Ciri-ciri
Keris Panjang Diraja	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan alat kebesaran utama dalam istiadat pertabalan. Dari hulu keris hingga ke sarungnya bersalut emas. Mata keris ini ditempa daripada besi waja yang diambil daripada sebelah bilah keris di Negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu.
Cogan Alam	<ul style="list-style-type: none"> Diperbuat daripada perak berupa suatu bulatan di atas hulu tongkat. Terdapat anak bulan dan bintang pada bulat tersebut. Di sekelilingnya terdapat lambang sebelas negeri-negeri di Malaysia. Terdapat empat ekor harimau di bawahnya dan pada batangnya terdapat enam tangkai padi.
Cogan Agama	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan lambang Kebesaran Kerajaan Malaysia. Diperbuat daripada perak berupa sebatang tongkat bulat berkepala besar. Terdapat lambang bulan dan bintang pecah lima yang diperbuat daripada emas di atas kepala tongkat. Pada batangnya terdapat ayat-ayat suci al-Quran.
Cokmar	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan dua batang tongkat pendek berhulukan kubah merupakan alat perang zaman dahulu. Diperbuat daripada perak.
Payung Ubur-ubur Kuning dan Tombak Berambu	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat 20 kaki payung yang diperbuat daripada kain sutera berwarna kuning, iaitu warna yang dihaskan sebagai lambang kebesaran raja-raja Melayu. Terdapat anak bulan dan bintang pada puncak payung tersebut. Tombak Berambu mempunyai mata berlok tiga



Alat Kebesaran Diraja	Ciri-ciri
Pedang, Keris Panjang dan Sundang Diraja	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan tiga jenis senjata Melayu lama yang diperbuat daripada mata pedang, keris panjang dan sundang zaman purbakala. Keris panjang dan sundang disalut dengan perak dan terdapat ukiran pada hulu dan sarungnya.



DAULAT TUANKU

	Nama	Tempoh	Negeri
1	Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad	Ogos 1957 - April 1960	Negeri Sembilan
2	Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Aladdin Sulaiman Shah	April - September 1960	Selangor
3	Almarhum Tuanku Syed Putra Alhaj ibni Almarhum Syed Hasssan Jamalullail	September 1960 - September 1965	Perlis
4	Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin	September 1965 - September 1970	Terengganu
5	Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	September 1970 - September 1975	Kedah
6	Almarhum Sultan Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim	September 1975 - Mac 1979	Kelantan
7	Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mua'adzam Shah	April 1979 - April 1984	Pahang
8	Almarhum Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail	April 1984 - April 1989	Johor
9	Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah	April 1989 - April 1994	Perak
10	Almarhum Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman	April 1994 - April 1999	Negeri Sembilan
11	Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj	April 1999 - November 2001	Selangor
12	Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail	Disember 2001 - Disember 2006	Perlis
13	Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah	Disember 2006 - Disember 2011	Terengganu
14	Almarhum Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	Disember 2011 - Disember 2016	Kedah
15	Sultan Muhammad V	Disember 2016 - Januari 2019	Kelantan
16	Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah	Mulai Januari 2019 - hingga kini	Pahang



SEJARAH JATA NEGARA

- 1948** – Jata Negara diperkenalkan dengan memaparkan lambang lima bilah keris, lambang Pulau Pinang, Melaka serta empat warna di dalam petak, iaitu putih, merah, hitam dan kuning pada sebuah perisai yang disokong oleh dua ekor harimau. Di atas perisai, terdapat lambang bintang pecah 11 serta bulan sabit berwarna kuning. Di bawah perisai terdapat cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” yang ditulis dalam tulisan Jawi dan bahasa Inggeris.
- 1963** – Jata Negara diubah selepas penubuhan Singapura, Sarawak dan Sabah diletakkan di sebelah bawah pada perisai. Lambang negeri Melaka diubah kepada pokok melaka. Cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” diubah kepada bahasa Melayu.
- 1965** – Jata Negara mengalami sedikit perubahan dengan pengguguran lambang Singapura dan digantikan dengan lambang bunga raya.
- Kini** – Jata negara dikemaskini pada lambang negeri Pulau Pinang. Rekaan dua ekor harimau diubah kepada yang lebih realistik. Perubahan dilakukan pada lambang negeri Sarawak dan Sabah. Bintang pecah 14, bulan sabit, lima bilah keris, pokok melaka, empat warna, iaitu putih, merah, hitam dan kuning di dalam petak serta cogan kata dikekalkan.



LAMBANG DAN MAKNA JATA NEGARA

Lambang pada Jata Negara	Makna
Bintang pecah 14	Perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam Malaysia
Bulan Sabit dan Bintang	Bermaksud Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia
Dua ekor harimau	Melambangkan keberanian
Lima bilah keris pada perisai	Melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
Empat Jalur Warna di tengah-tengah perisai	Merujuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Warna merah dan kuning melambangkan negeri Selangor, warna hitam dan putih melambangkan negeri Pahang. Warna hitam, putih dan kuning melambangkan negeri Perak, manakala warna merah, hitam dan kuning melambangkan Negeri Sembilan
Pokok Pinang dan jambatan	Mewakili negeri Pulau Pinang
Pokok Melaka	Mewakili negeri Melaka
Cogan Kata	“Bersekutu Bertambah Mutu” iaitu semangat bermuafakatan mempererat perpaduan antara rakyat Malaysia
Jata negeri Sarawak dan Jata Negeri Sabah	Melambangkan negeri masing-masing
Bunga raya	Melambangkan bunga kebangsaan negara

UNIT
9

BENDERA KEBANGSAAN MALAYSIA



NOTA EFEKTIF



SEJARAH BENDERA NEGARA KITA

Tahun 1949, Majlis Perundangan Persekutuan menganjurkan pertandingan mereka cipta bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu	
Tahun 1949, keputusan akhir diumumkan dalam <i>The Malay Mail</i> . Tiga rekaan bendera dipilih pada peringkat akhir	
Bendera rekaan Encik Mohamed bin Hamzah	<ul style="list-style-type: none"> Rekaan Encik Mohamed bin Hamzah, iaitu seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Johor dipilih sebagai rekaan terbaik. Mengandungi 11 jalur berwarna biru dan putih Terdapat bulan sabit dan bintang pecah lima
Reka bentuk yang dipinda	<ul style="list-style-type: none"> Beberapa pindaan dibuat terhadap rekaan bendera Encik Mohamed bin Hamzah Jalur warna biru ditukar kepada warna merah Mengandungi 11 jalur berwarna merah dan putih
Bendera Persekutuan Tanah Melayu tahun 1950	<ul style="list-style-type: none"> April 1950, rekaan bendera Persekutuan Tanah Melayu diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan Mengandungi 11 jalur dan terdapat bintang pecah 11 Terdapat bintang pecah 11
Bendera Malaysia sejak tahun 1963	<ul style="list-style-type: none"> 26 Mei 1950, pertama kali bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan di pekarangan Istana Sultan Selangor 16 September 1963, bendera kebangsaan mengandungi 14 jalur dan terdapat bintang pecah 14



JALUR GEMILANG BENDERA KITA

Nama bendera kebangsaan ialah **Jalur Gemilang**. Nama ini diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat, iaitu **Tun Dr. Mahathir Mohamad** bersempena dengan hari kemerdekaan negara yang ke-40 pada **31 Ogos 1997**. Nama Jalur Gemilang diberi kerana bendera mempunyai 14 jalur. **Jalur** bermaksud satu haluan yang sama untuk menuju kegemilangan bangsa dan negara. **Gemilang** pula bermaksud bercahaya dan cemerlang.



KENALI IDENTITI JALUR GEMILANG

Lambang	Makna
Warna kuning	<ul style="list-style-type: none"> Melambangkan kesetiaan rakyat kepada raja dan negara Melambangkan kedaulatan Raja Berperlembagaan
Warna putih	Melambangkan kesucian dan keikhlasan.
Warna biru	Melambangkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum
Warna merah	Melambangkan keberanian, kesanggupan, kegagahan, dan kegigihan rakyat menghadapi cabaran.
14 jalur	Gabungan 13 buah negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan.
Bulan sabit	Melambangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.
Bintang Pecah 14	Gabungan 13 buah negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan.



HORMAT BENDERA HARMONI NEGARA

Terdapat etika penggunaan bendera kebangsaan yang perlu dipatuhi


1. Bendera kebangsaan yang dipamerkan atau dilukis pada dinding mestilah diletakkan bulan sabit dan bintang di bahagian kiri apabila dipandang dari hadapan.
2. Apabila dijadikan latar belakang tempat berucap, bendera kebangsaan mestilah diletakkan lebih tinggi dan di belakang orang yang berucap.
3. Bendera kebangsaan dalam bentuk gegantung, kedudukan bulan sabit dan bintang mestilah diletakkan menghala ke atas dan jalur membujur di bahagian bawah.
4. Sekiranya bendera diarak sebaris semasa perarakan, bendera kebangsaan hendaklah mendahului bendera-bendera lain.

Terdapat etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan

1. Hendaklah berpakaian kemas
2. Memastikan bendera tidak meleret ke tanah.
3. Sebelum menaikkan bendera, pastikan bendera dalam keadaan yang baik.
4. Uji tali bendera bagi memastikannya teguh dan tidak mudah putus.
5. Menaik dan menurunkan bendera hendaklah dengan tertib secara perlahan-lahan.
6. Apabila mengibarkan bendera separuh tiang, bendera hendaklah dinaikkan sepenuhnya dahulu dan kemudian diturunkan semula ke separuh tiang.
7. Bendera hendaklah ditatang atau diletakkan di bahu apabila sampai ke bawah.



BENDERA KEBANGSAAN NEGARA ASIA TENGGARA



Malaysia



Singapura



Brunei



Filipina



Papua New Guinea



Myanmar



Laos



Thailand



Vietnam



Kemboja





NOTA EFEKTIF



SEJARAH LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA

1. Satu pertandingan mencipta lagu kebangsaan diadakan dan 514 penyertaan diterima daripada peserta dalam dan luar negara.
2. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengesyorkan supaya irama lagu kebangsaan negeri Perak dijadikan lagu kebangsaan.
3. Bagi lirik kebangsaan, Jawatankuasa Pemilihan mengambil beberapa baris sajak yang dihantar oleh orang ramai.
4. Lagu *Negaraku* telah diperdengarkan buat pertama kali di Padang Kelab Selangor atau kini dikenali sebagai Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos 1957.
5. Bendera Persekutuan Tanah Melayu turut dinaikkan pada malam itu dengan iringan lagu kebangsaan iaitu lagu *Negaraku*.



MENGHAYATI MAKSUD LAGU KEBANGSAAN

Negaraku

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat Bertakhta

Maksud Lirik Lagu Negaraku

Menyeru rakyat daripada pelbagai bangsa dan agama supaya hidup bersatu padu untuk mencapai kemajuan.

Memohon rahmat dan kebahagiaan daripada Tuhan untuk kesejahteraan raja yang memerintah rakyat serta negara.



MEMAHAMI LIRIK DAN MAKSUD LAGU

Kita perlu menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.

Kita harus berpegang teguh kepada ajaran agama dan taat kepada perintah Tuhan.

Kita hendaklah mempunyai cita-cita dan berusaha untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Kita perlulah hidup bersatu padu dan saling menghormati kepelbagaian kaum dan agama yang wujud di Malaysia.

Rakyat Malaysia perlu sentiasa bersyukur kerana dilahirkan dalam sebuah negara yang aman dan damai.



ETIKA MENYANYIKAN LAGU KEBANGSAAN

Kedudukan Fizikal Semasa Nyanyian	Suara dan Penghayatan Semasa Nyanyian	Bagi Murid yang Datang Lewat ke Sekolah	Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)
1. Berdiri tegak	1. Menyanyi secara jelas dan serentak	1. Berhenti berjalan apabila mendengar nyanyian lagu kebangsaan	1. Bagi yang berkerusi roda, kepala mesti tegak
2. Kedua-dua belah tangan diletakkan di sisi dan diluruskan ke bawah.	2. Menyebut lirik lagu dengan betul dan bersemangat	2. Hendaklah meletakkan beg di sisi kaki	2. Mata memandang bendera
3. Kedua-dua belah kaki dirapatkan.	3. Menghayati lirik lagu	3. Berdiri tegak	3. Kedua-dua tangan di atas kepala
	4. Tidak bermain-main semasa menyanyi		4. Kaki dirapatkan



LAGU KEBANGSAAN MEMBENTUK JATI DIRI

1. Melahirkan warganegara yang taat setia kepada raja dan negara.
2. Melahirkan warganegara yang berusaha memajukan diri dan bercita-cita tinggi untuk berjaya.
3. Memupuk rasa cinta akan negara, berbangga dan bersyukur menjadi rakyat Malaysia.
4. Memupuk perpaduan dan menghormati kepelbagaian kaum, agama serta budaya yang wujud di Malaysia.



KEDUDUKAN BAHASA KEBANGSAAN

1. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.
2. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
3. Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu diwartakan dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996.
4. Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia boleh menggunakan bahasa lain seperti bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian mereka.
5. Setiap acara rasmi negara akan menggunakan bahasa Melayu.

“Perkara 152 -Bahasa Kebangsaan

1. *Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan apa-apa tulisan sebagaimana yang diperintahkan dengan undang-undang oleh Parlimen:*

Dengan syarat bahawa-

- (a) *tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain;”*



PERANAN BAHASA KEBANGSAAN

Peranan Bahasa	Penerangan
Bahasa Pentadbiran	Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi seperti mesyuarat, kursus, taklimat, bengkel dan surat-menyurat
Bahasa Undang-undang	Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi di mahkamah
Bahasa Pendidikan	Bahasa kebangsaan merupakan bahasa pengantar dan penyampaian maklumat dalam sistem pendidikan negara kita
Bahasa Ekonomi	Bahasa kebangsaan digunakan dalam kegiatan ekonomi di negara kita
Bahasa Perhubungan	Bahasa kebangsaan merupakan bahasa komunikasi antara masyarakat berbilang kaum di negara kita dan peringkat serantau
Bahasa Persuratan	Bahasa kebangsaan digunakan dalam karya persuratan. Contohnya, pantun, syair dan novel.
Lambang Jati Diri	Bahasa kebangsaan berperanan sebagai lambang negara Malaysia di persada dunia dan perakuan jati diri rakyat Malaysia
Asas Pembinaan Negara	Masyarakat berbilang kaum memerlukan satu bahasa yang difahami oleh semua kaum sebagai panduan



INSTITUSI YANG MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN BAHASA KEBANGSAAN

Institusi	Penerangan
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	<ul style="list-style-type: none"> • DBP diitubuhkan pada tahun 1956 • Fungsi DBP : <ol style="list-style-type: none"> (a) Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang (b) Menerbitkan pelbagai bahan bacaan dalam bahasa kebangsaan (c) Membakukan ejaan, sebutan dan membentuk istilah (d) Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dalam semua urusan
Sistem Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyata Razak (1956) menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan • Penyata Rahman Talib (1960) menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan universiti • Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 diwujudkan
Universiti Kebangsaan Malaysia	Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1970 bagi memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu.

Usaha Memartabatkan Bahasa Kebangsaan	Keterangan
Bulan Bahasa Kebangsaan	Bulan Bahasa Kebangsaan disambut pada setiap bulan Oktober untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat.
Dekad Bahasa Kebangsaan	Memperkasakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang mencakupi pelbagai bidang dan sektor di Malaysia.
MBMMBI	Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) diperkenalkan tahun 2012.



CABARAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN

Cabaran	Keterangan
Komunikasi harian	Bahasa Melayu sering digunakan bersama-sama dengan bahasa lain dalam komunikasi harian. Sebagai rakyat, kita perlu mengutamakan bahasa Melayu.
Sikap penutur	Sikap penutur yang malu atau tiada kesungguhan lebih menyukarkan usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Setiap rakyat Malaysia mesti yakin dengan keupayaan dan kemampuan bahasa kebangsaan.
Bidang teknologi maklumat	Teknologi maklumat pada masa ini amat penting. Kebanyakan alat dan aplikasi teknologi maklumat menggunakan bahasa Inggeris.
Latar belakang keluarga	Ibu bapa atau keluarga perlu memberikan semangat dan tunjuk ajar kepada anak-anak dalam penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.
Bidang pendidikan	Cabaran dalam penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid wujud kerana mereka cenderung menggunakan bahasa ibunda atau dialek mereka semasa proses pembelajaran.
Penggunaan bahasa rojak	Penggunaan bahasa kebangsaan dalam sesuatu majlis atau media sosial banyak mencampuradukkan bahasa. Penyusunan ayat, kosa kata dan sebutan sering disalahgunakan oleh masyarakat.

UNIT 12

BUNGA RAYA BUNGA KEBANGSAAN



NOTA EFEKTIF



ISTIMEWANYA BUNGA RAYA

Sejarah Bunga Raya

- 1958, Kementerian Pertanian meminta cadangan nama bunga sebagai bunga kebangsaan daripada semua negeri
- 7 jenis bunga dicadangkan iaitu bunga raya, bunga kenanga, bunga melur, bunga cempaka, bunga teratai, bunga mawar dan bunga tanjung.

Pengisytiharan Bunga Raya

- Bunga raya merah telah dipilih dan diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 28 Julai 1960 sebagai bunga kebangsaan.

Keistimewaan Bunga Raya

- Warnanya dan bentuknya yang menyerlah
- Nama yang seragam di seluruh negara
- Mudah didapati di seluruh negara
- Berbunga sepanjang tahun
- Belum menjadi bunga kebangsaan untuk negara lain pada ketika itu



BUNGA RAYA MERAH MEMBARA

Bunga raya dipilih sebagai bunga kebangsaan kerana warnanya. Warna merah melambangkan:



Semangat waja


Warganegara cemerlang

Keberanian



BUNGA RAYA DAN RUKUN NEGARA

Lima kelopak bunga raya melambangkan lima prinsip Rukun Negara:



MEGAHNYA LAMBANG BUNGA RAYA

Kegunaan Simbol Bunga Raya dalam Kehidupan Rakyat Malaysia

Muskat Yang di-Pertuan Agong	Mata Wang	Jata Negara	Kompleks Bunga Raya	Setem
Nama Jalan	Sukan	Logo Sekolah	Tahun Melawat Malaysia	Jata Negeri Sarawak